

Pengurusan Aktiviti Pelajar Universiti dalam era Kelestarian Kewangan: Pengalaman Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI) Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Mohd Noor Azli bin Ali Khan & Siti Noor Quratuaini binti Habir
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ABSTRAK

Pengantungan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kepada peruntukan kewangan operasi daripada kerajaan dikurangkan dari tahun ke tahun semasa pembentangan belanjawan tahunan. Pengurangan peruntukan kepada IPTA dalam belanjawan kerajaan dilihat mampu melatih pihak universiti supaya lebih efisien dalam melaksanakan program masing-masing. Pengurangan dana ini dilihat satu cabaran untuk IPTA bertindak lebih kreatif bagi memajukan sektor pendidikan tinggi negara dalam merealisasikan pelan strategik universiti mengikut perancangan. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) juga tidak ketinggalan dalam pengurangan peruntukan ini yang sememangnya sedikit sebanyak memberikan impak kepada program aktiviti mahasiswa kerana kemeriahan mahasiswa dalam berpersatuan dan menjalankan aktiviti yang sangat bergantung harap kepada sumbangan dan dana yang diperuntukkan untuk sesebuah program. Makalah ini secara khususnya akan membincangkan tentang pengalaman Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI), UTM Johor Bahru dalam menguruskan dan melaksanakan aktiviti mahasiswa semester 2 2017/2018 oleh ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM) dalam keadaan kewangan yang cukup mencabar. Beberapa program yang dijalankan oleh KTDI UTM sepanjang semester ini dijadikan sebagai kajian kes untuk melihat situasi, permasalahan yang timbul dan cabaran serta dijadikan sebagai rujukan untuk mencari jalan penyelesaian dalam analisis kajian. Analisis dibuat menggunakan kaedah kualitatif untuk mengumpul data dan melibatkan pengetua, felo, pembantu felo kolej dan beberapa orang ahli JKM KTDI UTM. Temu bual dan perbincangan melibatkan pihak-pihak yang dinyatakan bagi mengenal pasti punca isu dan masalah yang timbul dijalankan untuk mencapai objektif makalah ini. Secara umumnya, pengurusan dan pelaksanaan kewangan serta pengurusan aktiviti dalam menjalankan aktiviti mahasiswa KTDI UTM memberikan impak positif kepada pelestarian peruntukan yang diberikan oleh Universiti kepada kolej dan dapat digunakan dengan lebih efisien.

Kata kunci: aktiviti mahasiswa, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan, jawatankuasa kolej mahasiswa (JKM), Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

PENGENALAN

Pengurangan dana universiti dikurangkan dari semasa ke semasa pembentangan belanjawan yang dijalankan dengan memandangkan positif bahawa perkara ini akan meningkatkan kreativiti pihak universiti ke arah kelestarian pengurusan kewangan untuk aktiviti mahasiswa. Kelestarian terhasil melalui pemacuan secara holistik oleh komuniti kampus dalam

mengintegrasikan dan mengimbangi bidang ekonomi, sosial dan alam sekitar untuk memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keupayaan sedia ada dan berkekalan (Omar, 2018). Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI) merupakan salah sebuah daripada 10 kolej yang terdapat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor Bahru (<http://www.utm.my/studentaffairs/unit-perumahan-dan-kolej-kediaman/>; <https://ms-my.facebook.com/ktdi4utm/>) yang memuatkan lebih 1,700 orang mahasiswa yang terdiri daripada para pelajar daripada beberapa fakulti seperti pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam, pelajar Fakulti Komputeran, lain-lain fakulti daripada pegawai kadet dan pegawai muda Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Darat serta PALAPES Laut.

Seperti yang sedia maklum, terdapat banyak persatuan, jawatankuasa kolej, kelab-kelab akademik dan bukan akademik aktif menjalankan aktiviti serta program untuk organisasi masing-masing. Rentetan daripada itu, sudah semestinya pengagihan dana kepada setiap program hendaklah dikawal dengan baik dan sistematik bagi memastikan keberkesanan dalam pengurusan kewangan. KTDI juga tidak ketinggalan secara aktif dalam menjalankan aktiviti pelajar dengan kepelbagaian kerenah dan ragam pelajar. Antara isu yang timbul dalam berpersatuan di universiti ialah mahasiswa aktif dalam berpersatuan dan pada masa yang sama mereka mengalami cabaran kewangan dalam menguruskan serta melaksanakan program aktiviti pelajar.

Kertas kerja ini secara khususnya cuba membincangkan tentang pengalaman kolej kediaman lingkaran dalam UTM seperti KTDI dalam merancang dan menjalankan program dalam keadaan kewangan tabung aktiviti pelajar yang agak mencabar. Pengurusan kewangan kolej khususnya tabung aktiviti pelajar turut diterangkan di bahagian seterusnya. Beberapa contoh aktiviti pelajar dijelaskan status kewangannya, masalah yang timbul, dan alternatif jalan penyelesaian dalam merealisasikan program aktiviti mahasiswa yang dirancang turut dibincangkan dalam makalah ini.

PENGURUSAN KEWANGAN AKTIVITI PELAJAR

Program pembangunan mahasiswa di UTM memberi tumpuan kepada aspek pembentukan jati diri, pembangunan pengetahuan, pembentukan kemahiran dan perubahan cara dan gaya berfikir ke arah menghasilkan mahasiswa yang mempunyai minda dan nilai holistik, *entrepreneurial* dan seimbang (Omar, 2018). Sinergi menanamkan semangat berpasukan, kebersamaan, keterangkuman, keserakanan, kepercayaan, hormat-menghormati, keluhuran budi dan kerjasama. Ia juga menyuburkan sifat tidak mementingkan diri sendiri, timbul daripada rasa keprihatinan terhadap orang lain mengatasi kepentingan sendiri, di samping menghargai kepelbagaian dan perbezaan (Omar, 2018).

Setiap program mahasiswa yang dijalankan oleh ahli jawatankuasa kolej mahasiswa (JKM) dan persatuan di bawah kolej kediaman hendaklah mendapat sokongan dan pengesahan daripada pengetua kolej kediaman sebelum kertas kerja dihantar kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), UTM. Perbelanjaan program mahasiswa diteliti oleh pengetua kolej kediaman sebelum mengesahkannya. Selain itu, program yang berimpak tinggi, sedikit sebanyak akan mendapat sumbangan daripada tabung aktiviti pelajar kolej kediaman yang ada. Pengurusan kewangan daripada pihak kolej kediaman adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab pengetua kolej kediaman dan penolong pengurus asrama (PPA) kolej kediaman. Jika surat permohonan untuk pendahuluan tabung aktiviti pelajar daripada kolej

kediaman untuk sesebuah program dan kesepakatan dapat ditemui bersama, pihak kolej kediaman boleh membantu dalam pemberian pendahuluan dana untuk program aktiviti pelajar. Tetapi, jika duit tabung aktiviti pelajar kolej kediaman turut mengalami masalah yang sama, jadi duit pendahuluan daripada kolej tidak dapat diberikan dan alternatif lain daripada ahli jawatankuasa (AJK) program perlu difikirkan bagi memastikan program yang dirancang dapat dilaksanakan.

AKTIVITI MAHASISWA KTDI

Program yang dijalankan sepanjang semester 2 sesi 2017/2018 oleh ahli JKM KTDI terdiri daripada program berimpak besar dan berimpak kecil. Setiap program yang dilaksanakan memerlukan sejumlah dana bagi merealisasikan program tersebut. Dana akan diluluskan daripada pihak HEP UTM setelah kertas kerja program dihantar oleh mahasiswa melalui sistem dalam talian yang disediakan dan disemak oleh pegawai aktiviti yang berkenaan. Antara perkara utama yang dilihat dan diteliti adalah impak program terhadap mahasiswa dan masyarakat, dana program yang diperlukan dan memastikan dana tersebut mengikut kesesuaian program yang akan dijalankan. Jika program berimpak kecil dan bersifat *adhock*, kemungkinan besar program tidak diberikan peruntukan kewangan daripada HEP UTM. Jika program berimpak besar dan sederhana, kertas kerja program dihantar lebih awal melalui sistem dalam talian, pihak HEP UTM akan menyediakan beberapa dana peruntukan kewangan untuk program tersebut.

Antara program yang dijalankan oleh pihak pengurusan KTDI bersama mahasiswa, ahli JKM KTDI dan Majlis Felo KTDI UTM, dana yang diperlukan dan dana yang diluluskan oleh pihak HEP UTM adalah seperti Jadual 1 berikut ;-

Jadual 1: Keperluan dan Kelulusan Dana HEP UTM

Nama dan Jenis Program	Dana diperlukan (RM)	Dana diluluskan (RM)
Sukan Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI SEGA)	2,000	100
Malam Anugerah Resak (MERAK 2018)	20,850	1,000
Beach Clean Up Siri 1 & 2	2,000	-
Jalinan Mesra Raudhatul Maryam	2,000	100
Gotong Royong Perdana	3,000	1,000
Lambaian U 3.0 : Backwood Annex IT (BannexIT)	13,000	3,000

Walaupun peruntukan kewangan daripada pihak HEP UTM diberikan untuk sesebuah program, dana tersebut bukanlah dapat sewaktu awal program atau semasa program dijalankan tetapi selepas laporan aktiviti dihantarkan kepada pejabat HEP UTM. Laporan kewangan aktiviti serta resit-resit perbelanjaan sepanjang program disertakan dan diteliti oleh pegawai HEP UTM. Oleh itu, sedikit sebanyak ianya tetap menjadi cabaran kepada AJK program untuk mencari wang pendahuluan untuk perlaksanaan sesuatu program.

PERMASALAHAN YANG TIMBUL

Sepanjang sesuatu program dijalankan, semestinya cabaran utama yang dihadapi oleh mahasiswa adalah daripada segi dana kewangan. Rentetan daripada masalah kewangan ini, sesuatu program yang masih tidak mencukupi dana perlu mencari jalan penyelesaian untuk mendapatkan dana kewangan dan program terpaksa ditangguhkan dan ada program yang terpaksa dibatalkan. Walaupun pelbagai cara telah dilakukan, tetap timbul beberapa masalah yang perlu dihadapi. Contohnya, antara cabaran besar dalam melaksanakan program adalah apabila sesebuah pihak atau penaja telah bersetuju untuk menaja sesebuah program atau memberi sedikit sumbangan dan berjanji akan memberikan sejumlah wang tetapi peruntukan dana kewangan tidak diberikan apabila hari program dilaksanakan.

ALTERNATIF JALAN PENYELESAIAN

Perlaksanaan program yang dirancang sepanjang semester perlu dijalankan dengan keadaan yang baik dan sedikit sebanyak cabaran yang timbul hendaklah diatasi bersama dengan pihak penasihat program iaitu pengetua, felo dan pembantu felo kolej kediaman. AJK program juga tidak boleh memandang mudah tugas masing-masing dan perlu ada sifat kerjasama dalam menyelesaikan masalah terutamanya cabaran yang melibatkan urusan kewangan. Hal ini berlaku kerana, dana peruntukan sesebuah program adalah salah satu kunci yang paling penting untuk memastikan program berjalan dengan lancar dan teratur. Antara langkah-langkah yang diambil oleh JKM KTDI UTM untuk mengatasi cabaran kewangan bagi setiap program adalah seperti berikut:

- i. **Sukan Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI SEGA)**
 - a. Meminjam wang daripada tabung ahli JKM KTDI UTM dan membayar selepas wang penyertaan dan pendapatan daripada usaha-usaha pengumpulan dana diadakan.
- ii. **Malam Anugerah Resak (MERAK 18)**
 - a. Menetapkan wang komitmen sebanyak RM200 kepada setiap AJK program dengan cara memohon bantuan daripada ahli keluarga dan sebagainya.
 - b. Yuran penyertaan telah ditetapkan kepada peserta untuk dibayar pada awal semester pengajian.
 - c. Membuat jualan di tapak pasar malam kolej kediaman yang diadakan setiap hari Isnin di tapak parkir kereta kolej kediaman.
 - d. Memohon bantuan daripada Tabung Aktiviti pelajar kolej kediaman di pejabat Kolej Tun Dr. Ismail.
 - e. Meminjam sejumlah wang daripada JKM sesi sebelum ini.
 - f. Mendapatkan penajaan daripada Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) dan UTMSPACE.
 - g. Mendapatkan pengurangan kos bas daripada pihak universiti untuk pengangkutan peserta ke majlis tersebut.
 - h. Mendapat sumbangan ikhlas daripada ahli JKM KTDI, tabung aktiviti felo KTDI dan pembantu felo KTDI.

- iii. **Beach Clean Up Siri 1 & 2**
 - a. Memohon kerjasama daripada pihak Belia Adun Sedili, Kota Tinggi, Johor untuk menaja kos pengangkutan yang membawa seramai 80 orang sukarelawan setiap siri *Beach Clean Up* dijalankan.
 - b. Memohon sumbangan air kotak dan roti untuk sarapan sukarelawan daripada pihak HEP UTM.
 - c. Memohon tajaan makanan tengahari sukarelawan daripada pihak yang berkerjasama iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Pengerang, Johor.

- iv. **Jalinan Mesra Raudhatul Maryam (berbuka puasa bersama anak yatim)**
 - a. Membuat poster untuk orang ramai menyalurkan bantuan persiapan hari raya dan duit raya kepada anak yatim.
 - b. Mendapatkan dana peruntukan daripada Pusat Islam UTM.
 - c. Memohon sumbangan ikhlas seperti baju-baju terpakai daripada orang ramai.
 - d. Memohon daripada pihak tertentu untuk mendapatkan tempat-tempat seperti dewan untuk menjalankan aktiviti, majlis berbuka puasa dan solat terawih.

- v. **Gotong Royong Perdana**
 - a. Memohon pinjaman barangan gotong -royong daripada pihak kokurikulum UTM dan pihak pejabat KTDI.
 - b. Makanan dan minuman tidak disediakan untuk para sukarelawan kerana kekangan kewangan yang dihadapi.
 - c. Pengangkutan dari segi penghantaran peralatan gotong-royong adalah berdasarkan kolej dan fakulti masing-masing

- vi. **Lambaian U 3.0 : Backwood Annex IT (BannexIT)**
 - a. Mendapatkan penajaan daripada YPJ.
 - b. Mendapatkan penajaan daripada syarikat-syarikat korporat.
 - c. Membuat larian untuk mendapatkan dana dalam kawasan UTM.

GAMBAR PROGRAM ANJURAN JKM KTDI



Program Gotong Royong Perdana (19.3.18) dirasmikan oleh Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar



Program Gotong Royong KTDI (22.3.18) bersama pihak pengurusan kolej dan pelajar KTDI



Malam Anugerah MERAK 2018 (20.4.18) dirasmikan oleh Prof. Dr. Durrishah Idrus



Lambaian U 3.0 : Backwood Annex IT (Bannex IT) (11-14.4.18) di UTM



Jalanan Mesra Raudhatul Maryam (24.5.18) di CS Nano, Ibnu Sina, UTM

PERBINCANGAN

Sepanjang program dijalankan, selepas program selesai, post-mortem akan dijalankan bersama pengetua, felo, pembantu felo dan semua AJK program yang terlibat. Daripada post-mortem tersebut, aspek penambahbaikan, masalah utama selain dari segi teknikal adalah pengurusan sama ada pengurusan aktiviti ataupun pengurusan dari sudut kewangan turut dibincangkan. Ramai daripada AJK program mendahulukan duit mereka dalam berprogram. Hal ini, jika berterusan akan menimbulkan kebimbangan yang mana AJK tersebut serik untuk menyertai program dan mereka susah untuk mendapatkan duit mereka semula sepanjang proses tuntutan dijalankan kerana beberapa prosedur patut dipatuhi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, walaupun cabaran kewangan ini agak mencabar, tetapi mahasiswa masih menunjukkan komitmen yang tinggi dalam berprogram. Manakala, pengetua, felo dan pembantu felo sebagai pentadbir atau pemudahcara di kolej kediaman secara bersama terus menerus memberi sokongan, bimbingan dan sifat kebersamaan kepada mahasiswa bagi mengasah kemahiran mereka bukan sekadar menimba ilmu di dalam kelas sahaja. Impak yang sangat positif dapat disemai di dalam diri mahasiswa seperti kepimpinan, kemahiran berfikir di luar kotak, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bertindak lebih tersusun, kemahiran berkomunikasi, bekerja sebagai satu pasukan, semangat bekerjasama,

dan kemahiran mengurus sesuatu program dan organisasi. Pihak kepimpinan kolej, pengurusan kolej, JKM dan barisan Majlis Felo KTDI amat berharap semua pihak terutamanya mahasiswa mengambil cabaran kewangan ini sebagai satu cabaran bukannya masalah dan dilihat daripada sudut positif bagi melahirkan modal insan yang berdaya saing dan mampu menempuhi cabaran.

RUJUKAN

<http://www.utm.my/>

<https://ms-my.facebook.com/ktdi4utm/>

<http://www.utm.my/studentaffairs/unit-perumahan-dan-kolej-kediaman/>

Omar, W. (2018). *Universiti Cemerlang Menjana Kesejahteraan Sejangat*. Penerbit UTM Press: Johor Bahru.